

15 AUG 1996
Mahathir-Asia
PM HURAI CABARAN TERHADAP RENAISSANS ASIA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghuraikan tiga cabaran asas yang dihadapi Asia dalam mencapai apa yang disebutnya sebagai Renaisans Asia.

Menurut Perdana Menteri cabaran itu ialah reformasi dan revolusi dalam negara, persahabatan dan kemakmuran serantau dan sumbangan kepada order baru dunia yang lebih baik, lebih adil dan lebih produktif.

"Asia telah mencapai kejayaan sehingga ini tetapi kita masih tidak ada masa untuk bergembira. Kita tidak boleh berasa terlalu puas hati. Kita mesti sedar bahawa kita baru sahaja bermula," katanya pada pembukaan Persidangan Serantau Kelab-Kelab Harvard Asia 1996 di sini.

"Malah perlu bagi kita mengurangkan pencapaian kita sendiri, jika kita mahu mengelakkan daripada mengganggu mereka yang takutkan apa yang dipanggil 'cabaran Asia', mereka yang sudah hilang keyakinan terhadap keupayaan sendiri untuk bersaing, masyarakat yang tahu bahawa untuk menghadapi dunia mereka perlu mengubah cara-cara mereka tetapi mereka tidak mahu atau tidak berupaya berbuat demikian," kata beliau.

Sambil menegaskan bahawa cabaran dalam negara mungkin merupakan cabaran yang paling penting, Dr Mahathir berkata untuk berkembang dan mencapai kemakmuran, Asia mesti menerima dan menguruskan reformasi dan revolusi dalam sesebuah negara secara individu.

"Apakah bidang-bidang penting bagi reformasi dan revolusi dalam negara? Secara tepatnya keutamaan-keutamaan itu adalah berbeza antara satu masyarakat Asia dengan masyarakat Asia yang lain," katanya.

"Walaupun kita telah mencapai kemajuan politik, banyak lagi di antara kita yang masih perlu membuang kepercayaan mereka kepada ideologi lama yang sudah jelas tidak praktikal.

"Kita perlu membuat keputusan sendiri, tanpa didorong oleh mana-mana pihak. Tetapi teori ekonomi yang sudah ketinggalan zaman yang telah menghasilkan ideologi-ideologi itu sudah terbukti salah. Jika kita menerima model ekonomi yang baru, maka kita mesti mengubahsuai corak politik kita supaya selaras dengannya," kata beliau.

Untuk kebanyakan kalangan, katanya, apa yang penting ialah reformasi yang asas. Untuk sebahagian lain pula, yang perlu ialah "kaizen", sentiasa melakukan pembaikan dan penalaan, sambil masyarakat terus melalui perubahan-perubahan yang dramatik.

"Dalam sesetengah masyarakat dunia Barat, terdapat kepercayaan bahawa 'jika sesuatu tidak rosak, tak usahlah membaikinya...' Dalam semua masyarakat kita, kita perlu mengikut prinsip kaizen bahawa 'jika ia belum sempurna, kita sempurnakan'," katanya.

Beliau berkata negara-megara Asia kini mesti meletakkan asas bagi mencapai hasil ekonomi yang sama hebatnya untuk masa akan datang setelah mencapai prestasi yang begitu baik pada masa lepas.

"Dan kita tidak boleh berbuat demikian tanpa reformasi ekonomi dalam negara dan revolusi kemasyarakatan yang berterusan," katanya.

Apa yang diperlukan ialah untuk melancarkan dorongan produktiviti secara besar-besaran dan menggerakkan sistem ekonomi ke tahap prestasi produktiviti yang baru, katanya.

Mengenai cabaran kedua, beliau berkata Asia perlu "melepaskan dirinya daripada corak pemikiran yang ditentukan di benua lain, yang kebanyakannya mungkin tidak mempunyai minat yang sama dengan kita terhadap keamanan dan persahabatan kita.

"Adalah sesuatu yang mengharukan untuk kita memikirkan bagaimana begitu banyak di kalangan kita di Asia yang nampaknya menganggap bahawa orang lain boleh mempunyai minat yang lebih besar terhadap kebajikan Asia daripada orang Asia sendiri," katanya.

Tugas sebenar kenegarawan serantau ialah mewujudkan keamanan berasaskan kemesraan dan kerjasama di Asia Timur pada mulanya, dan akhirnya di seluruh Asia, kata beliau.

"Dalam berusaha untuk mencapai tujuan ini, kita boleh menggalak dan menyokong bantuan konstruktif dari sahabat kita. Tapi Keamanan Asia Timur yang kita mesti wujudkan perlu dibina sebahagian besarnya oleh kita sendiri berasaskan perikatan dan perimbangan yang bukan bersifat ketenteraan.

Beliau berkata sekarang merupakan masa yang paling sesuai untuk berusaha ke arah Keamanan Asia Timur "apabila ketegangan berada pada paras paling rendah, apabila negara-negara sedang dalam suasana ketenangan, apabila keamanan sudah wujud".

Keadaan di Asia Tenggara dalam pertengahan tahun 60-an semasa ASEAN ditubuhkan adalah jauh kurang baiknya berbanding keadaan yang terdapat di Asia Timur sekarang, kata beliau.

"Saya percaya masanya sudah tiba bagi Asia Timur menjalankan satu tindakan kenegarawan serantau yang seumpamanya," kata beliau.

Kemakmuran Asia Timur perlu menerima sumbangan konstruktif dari semua negara, kecil dan besar, kerana kesemua negara Asia telah menunjukkan keupayaan berfikiran waras tanpa mengambil kira saiz dan situasi masing-masing.

Sambil berkata bahawa Asia Timur perlu bersungguh-sungguh mengamalkan prinsip 'Keserantau Terbuka', beliau yakin sekiranya mereka bekerjasama dalam isu-isu perdagangan, ia bukan sahaja akan merapatkan jurang antara mereka sendiri tetapi juga dengan dunia luar.

Mengenai cabaran ketiga, beliau berkata Asia perlu bangkit dan membuat sumbangan yang lebih besar kepada kesejahteraan manusia sejagat.

"Untuk melakukan ini, Asia perlu memastikan 'keadaan di rumahnya sendiri teratur'. Asia perlu mempunyai kuasa. Asia perlu menjadi pemimpin yang baik. Dan Asia perlu menghadapi cabaran sumbangan itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ramai yang telah menghabiskan banyak masa "mencurah air sejuk" terhadap hakikat bahawa Asia sedang bangun dan bahawa kebangkitan Asia akan mengembalikan sejarah -- pada zaman apabila Asia menyumbangkan bahagian sewajarnya kepada permodenan dan tamadun manusia.

"Air sejuk memang ada gunanya. Ia diperlukan oleh mereka yang berkepala luar biasa besarnya. Tetapi pada peringkat ini, kita telah membingungkan golongan yang was-was akan kemampuan Asia. Semoga kita akan terus membingungkan mereka dan kesinisan mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ WAT NMO